

KOSMO: 22/10/2013

## Sirkuit memanah: Indonesia pertaruh empat pasukan

**EMPAT** pasukan dari Indonesia mengesahkan penyertaan pada kejohanan memanah sirkuit kebangsaan pertama dan terbuka Pusat Kecemerlangan Sukan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2013 yang akan diadakan selama dua hari mulai esok.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA, Riduan Mohamed Arof berkata, tiga pasukan itu adalah dari Jakarta manakala satu lagi dari Sulawesi Utara.

Setakat kelmarin, 31 pasukan dari dalam dan luar negara dengan sejumlah 268 atlet mengesahkan akan mengambil bahagian pada kejohanan itu.

"Bagaimanapun, jumlah itu tidak termasuk pasukan Angkatan Tentera Malaysia yang dijangka menghantar 40 hingga 50 pemanah," kata Riduan.

Riduan berkata, kejohanan itu juga sebagai satu daripada gelanggang terakhir untuk memilih pemanah bagi mewakili negara ke Sukan SEA di Myanmar, Disember depan.

Kejohanan anjuran bersama UniSZA dan Persatuan Memanah Malaysia itu menawarkan hadiah RM3,000 kepada juara, naib juara RM2,000 dan tempat ketiga RM1,000.

Sinar Harian / 22/10/2013

## Empat pasukan Indonesia sertai memanah sirkuit

**EMPAT** pasukan dari Indonesia mengesahkan penyertaan dalam kejohanan memanah sirkuit kebangsaan pertama dan terbuka Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) UniSZA 2013 yang akan diadakan selama dua hari di sini mulai esok.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA Riduan Mohamed Arof berkata, tiga daripada pasukan itu adalah dari Jakarta manakala sebuah lagi dari Sulawesi Utara membariskan 18 pemanah lelaki dan perempuan.

"Setakat semalam, 31 pasukan dalam dan luar negara dengan seramai 268 atlet mengesahkan

akan mengambil bahagian dalam kejohanan itu, tidak termasuk Angkatan Tentera Malaysia yang dijangka menghantar 40 hingga 50 pemanah," katanya.

Riduan berkata kejohanan ini juga sebagai satu daripada gelanggang terakhir untuk memilih atlet memanah bagi mewakili negara ke Sukan Sea Myanmar Disember depan.

Kejohanan anjuran bersama UniSZA dan Persatuan Memanah Malaysia itu menawarkan hadiah RM3,000 kepada juara, naib juara RM2,000 dan tempat ketiga RM1,000.